



SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/09/73 (HQ)

LATIH AMAL DI EMPANGAN SAB BUKTI TNB SEDIA HADAPI BANJIR

- Pengungsian keselamatan sebagai persediaan musim tengkujuh

Tenaga Nasional Berhad (TNB) meneruskan persediaan menghadapi musim tengkujuh yang dijangka akhir tahun ini melalui pengendalian Latih Amal Pengungsian Keselamatan (Safety Evacuation Drill) di Empangan Sultan Abu Bakar (SAB), Cameron Highlands, pada 6 November lalu.

Latih amal tahunan yang disertai hampir seribu orang awam dan anggota agensi-agensi yang berkaitan bertujuan mempersiapkan-siagakan TNB, kesemua agensi terbabit dan penduduk empat kampung di hiliran Empangan SAB sekiranya air dari empangan terpaksa dilepaskan, kata Ketua Pegawai Penjanaan TNB, Ir. Roslan Abd Rahman.

Menurut Ir. Roslan, latih amal tersebut juga bagi meningkatkan pemahaman penduduk-penduduk mengenai Prosedur Operasi TNB berkaitan pelepasan air secara terkawal dari pintu alur limpah empangan ketika bencana alam berlaku.

“Penduduk-penduduk didedahkan kepada tiga peringkat siren dan lampu amaran diaktifkan supaya mereka tahu peranan masing-masing ketika bencana berlaku. Siren peringkat pertama dibunyikan putus-putus serentak dengan lampu amaran jingga dinyalakan apabila paras air tasik dijangka mencapai paras 3,509 kaki dari aras laut dalam masa tiga jam. Penduduk perlu berjaga-jaga di kediaman masing-masing manakala agensi-agensi penyelamat perlu bersedia di Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) Lembah Bertam, “ katanya.

Agensi-agensi penyelamat akan memulakan pengungsian penduduk ke tempat berkumpul kecemasan yang telah ditetapkan apabila siren peringkat kedua dibunyikan berterusan serentak dengan lampu amaran merah dinyalakan. Peringkat ini menandakan paras air tasik dijangka mencapai paras 3,509 kaki dari aras laut dalam masa dua jam.

Siren peringkat ketiga dan terakhir akan dibunyikan apabila air mencapai paras 3,509 kaki dari aras laut, dengan kedua-dua lampu jingga dan merah dinyalakan secara berterusan. Ketika ini, semua penduduk mesti selesai dipindah ke tempat berkumpul sebelum air di empangan dilepaskan secara berperingkat bagi mengelakkan impak bencana yang lebih buruk.

Antara agensi terlibat adalah Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Bomba dan Penyelamat Cameron Highlands, Pejabat Daerah dan Tanah/Majlis Daerah Cameron Highlands, Hospital Sultanah Hajjah Kalsom, Jabatan Pendidikan, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Cameron Highlands.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 13 November 2019, jam 2:30 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Shaary (019-3369681) / Grace Tan (016-6626229) / Nasiruddin Aziz (018-9434524) / Fazreen Eksan (019-3160401) atau emel ke media@tnb.com.my

| | |
|-------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  | <p>“Sekiranya bencana benar-benar berlaku, kita nak pastikan yang mereka semua tahu apa yang perlu dilakukan. Amaran-amaran awal yang dikeluarkan oleh pihak TNB adalah bagi memastikan kita dapat mengelak kehilangan nyawa dan menghindari keadaan yang lebih dahsyat.”</p> <p>DSP Ashari Abu Samah Ketua Polis Daerah Cameron Highlands</p> |
|  | <p>“Latih amal ini penting supaya kita semua tahu di mana tempat nak berkumpul, di mana tempat selamat yang boleh dituju. JKKK sentiasa memastikan kami mendapat maklumat yang tepat daripada pihak TNB dan pihak polis dengan segera, supaya maklumat itu dapat kita kongsi kepada penduduk dengan cepat. Setiap kali latihan amal ini diadakan, setiap kali itulah saya di sini. Latih amal ini elok kalau diadakan lebih kerap supaya kita semua lebih banyak pengetahuan, lebih mahir dan lebih cepat bertindak.”</p> <p>Wong Fook Chai Pemangku Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Lembah Bertam</p> |

| | |
|-------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  | <p>“Saya telah banyak kali sertai latih amal itu. Saya rasa semuanya berjalan lancar. Kami telah berpesan kepada orang kampung supaya bersiap sedia. Bagi orang kampung yang bekerja dekat sini, mereka telah berkumpul di Kawasan Berkumpul Kecemasan Sg. Tiang yang telah ditetapkan.”</p> <p>Bah Choi a/I Busu Tok Batin Kampung Sg. Tiang (Ketua Kampung Orang Asli)</p> |
|  | <p>“Saya ada lima orang anak yang semuanya dari SJK(C) Bertam Valley. Mereka telah menceritakan apa yang telah berlaku pada <i>drill</i> banjir dan kami sudah tahu apa perlu buat, iaitu mana mahu pergi, tidak payah angkat beg-beg dan terus berlari untuk keselamatan.”</p> <p>Sogswari Subramaniam Suri Rumah Tangga</p> |
|  | <p>“Pihak sekolah dan murid-murid telah menyertai ceramah kesedaran keselamatan dan sudah sedar apa perlu dibuat apabila berlaku kecemasan. Kami mengambil 15 minit berjalan kaki dari sekolah ke Kawasan Berkumpul.”</p> <p>Ooi Ee Then Penolong Kanan Pentadbiran SJK (C) Bertam Valley</p> |



Pelajar-pelajar SJK (C) Bertam Valley diiringi oleh guru mereka sedang berjalan menuju ke Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) ketika Latih Amal Pengungsian Keselamatan (Safety Evacuation Drill) di Empangan Sultan Abu Bakar (SAB), Cameron Highlands, 6 November lalu.



Pelepasan air secara terkawal dilakukan di Empangan Sultan Abu Bakar (SAB) ketika Latih Amal Pengungsian Keselamatan (Safety Evacuation Drill) di Empangan Sultan Abu Bakar (SAB), Cameron Highlands.



Penduduk empat kampung berdekatan dan murid-murid SJK (C) Bertam Valley diuruskan dengan baik selepas siren amaran dibunyikan secara berperingkat untuk menandakan bencana sedang melanda kawasan berkenaan.